

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N10 SEBERANG JAYA

Salam sejahtera dan salam Penang 2030,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang di-Pertua atas peluang bagi saya untuk membangkitkan isu rakyat Pulau Pinang dalam dewan yang mulia ini. Ucapan saya pada hari ini meliputi beberapa perkara yang harus diberi perhatian dari aspek alam sekitar dan isu-isu kebajikan masyarakat.

Dasar Pengasingan Sisa di Punca

Pertama sekali, saya ingin membahaskan dasar pengasingan sisa di punca yang pernah dikuatkuasakan oleh kerajaan negeri pada tahun 2017 dan terhenti disebabkan COVID-19 pada tahun 2020. Saya menyokong langkah kerajaan negeri untuk melaksanakan semula dasar ini kerana ia penting untuk menjaga alam sekitar dan mengurangkan jumlah sampah yang dihantar ke tapak pelupusan. Namun, menurut pemerhatian saya, kebanyakan orang masih kurang kesedaran terhadap polisi yang akan dilaksanakan pada Julai tahun ini. Tidak dapat dinafikan bahawa isu-isu hangat seperti kenaikan kos harga air dan kesesakan jalan raya di Pulau Pinang telah mengalihkan perhatian rakyat daripada polisi ini.

Oleh itu, saya mempunyai beberapa persoalan untuk kerajaan negeri. Adakah garis panduan yang jelas telah disediakan untuk melaksanakan polisi ini? Berdasarkan maklumat dari laman sesawang Penang Green Council dan Buletin Mutiara, info mengenai polisi ini masih belum dikemaskini, termasuk cara membuang sampah di hartaan kediaman, komersial dan perindustrian serta jadual pengutipan sampah yang spesifik.

Persoalannya seterusnya ialah sama ada penduduk benar-benar memahami polisi ini. Saya telah bertanya secara spontan kepada rakan sebaya dan tiada seorang pun yang sedar dengan polisi ini, menunjukkan bahawa kesedaran dan pendidikan mengenai kepentingan pengasingan sampah perlu diperkuatkan.

Untuk mengatasi masalah ini, kita boleh mencontohi Jepun di mana pengasingan sampah dilakukan dengan terperinci dan penduduknya sangat berdisiplin. Sejak tahun 1970-an, Jepun mula melaksanakan pengasingan sampah dan menjadi semakin terperinci dengan perkembangan kitar semula. Pihak Berkuasa Tempatan di Jepun mengagihkan kalender pembuangan sampah setiap akhir tahun kepada setiap isi rumah, yang mengandungi gambar rajah kategori sampah dan tarikh pengumpulan sampah spesifik. Penduduk juga boleh mendapatkan maklumat ini melalui akhbar atau laman web rasmi kerajaan.

Prosedur pengasingan dan pembuangan sampah yang rumit ini tidak mungkin dicapai hanya melalui moral. Oleh itu, kerajaan Jepun telah mengeluarkan peraturan dan undang-undang yang lengkap. Pembuangan sampah secara haram boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 5 tahun atau denda sehingga 10 juta yen, manakala syarikat yang membuang sisa industri secara haram boleh didenda sehingga 100 juta yen.

Rakyat Jepun mengamalkan pengasingan sampah bukan sahaja kerana peraturan, tetapi juga disebabkan oleh pendidikan awal. Kanak-kanak di tadika sudah memahami pengetahuan alam sekitar melalui bimbingan ibu bapa mereka. Tadika dan sekolah di Jepun juga menganjurkan lawatan ke loji pengurusan sampah untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar. Dasar pengasingan sisa memerlukan pendidikan jangka panjang untuk diterapkan supaya dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Isu Penuaan di Pulau Pinang

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas peruntukan yang diberikan untuk meningkatkan fasiliti Hospital Seberang Jaya. Langkah ini sangat dialu-alukan, terutamanya dalam usaha untuk menangani isu penuaan yang semakin ketara di Pulau Pinang.

SIDANG MUDA PULAU PINANG

Namun begitu, persoalan utama adalah sama ada fasiliti perubatan di Pulau Pinang mencukupi untuk memenuhi keperluan perubatan warga emas yang semakin bertambah. Di Seberang Perai, misalnya, masih terdapat ruang yang signifikan untuk penambahbaikan. Sebagai contoh, Hospital Sungai Bakap masih sangat asas dan memerlukan peningkatan dalam

pelbagai aspek untuk memastikan mereka mampu menampung jumlah pesakit yang semakin meningkat.

Isu-Isu Kebajikan Masyarakat

Akhir sekali, saya ingin membincangkan isu kenaikan tarif air di Pulau Pinang yang kini membebankan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Oleh itu, saya mencadangkan agar kerajaan negeri mempertimbangkan pelaksanaan strategi air kitar semula, juga dikenali NEWater, sebagai salah satu cara untuk mengurangkan kebergantungan terhadap sumber air mentah yang semakin berkurangan.

Selain daripada isu air, masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Seberang Perai juga memerlukan perhatian segera. Kesesakan teruk ini bukan sahaja menyusahkan rakyat yang berulang-alik setiap hari, tetapi juga menjadikan produktiviti dan kualiti hidup mereka. Sebagai contoh, Bandar Cassia di Batu Kawan masih dalam proses pembangunan, tetapi sudah menghadapi masalah kesesakan jalan raya yang serius. Sekiranya keseluruhan projek ini siap, adakah masalah kesesakan akan menjadi lebih teruk daripada sekarang?

Kesimpulannya, saya berharap kerajaan negeri dapat memberi perhatian yang lebih terhadap isu-isu yang dibangkitkan, termasuk pelaksanaan semula dasar pengasingan sisa, peningkatan fasiliti perubatan, pengurusan kenaikan tarif air, dan penyelesaian masalah kesesakan lalu lintas. Dengan tindakan yang tepat dan berkesan, kita dapat memastikan kesejahteraan rakyat terjaga dan menjadikan Pulau Pinang sebagai tempat yang lebih baik untuk didiami.

Sekian, terima kasih.

Phung Wei Hung

N10 Seberang Jaya

Sidang Muda 2024